

GERBANG VARSITI KITA

Korpus Sejarah UKM

KETUA PUSTAKAWAN KE-7

Biografia

Tarikh Lahir: **3 Mac 1961**

Tempat Lahir: **Palekbang, Kelantan**

Alamat: **Lot 15126 Desar Fitri, Jalan Jati, 43650 Bandar Baru Bangi**

Status: **Berkahwin**

Jawatan: **Pustakawan Jusa C**

Tarikh Sah Jawatan: **1 Februari 1994**

Tempoh Perkhidmatan: **27 tahun**

Tarikh Bersara Wajib: **3 Mac 2021 (60 Tahun)**

Latar Pendidikan

Pendidikan awal beliau bermula di Sekolah Rendah Sri Petaling pada tahun 1968, di Victoria Institution, Kuala Lumpur pada tahun 1974 dan seterusnya di Yayasan Anda Akademik tahun 1980.

Kemudiannya beliau menyambung pengajian di peringkat Diploma dalam jurusan Sains Perpustakaan di Institut Teknologi Mara (ITM). Di atas minat untuk menceburi bidang kepustakawanan beliau seterusnya, melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dalam bidang yang sama dan memperolehi Masters in Library Science di Syracuse University, New York pada tahun 1987.



Wan Suhaimi Ariffin

4 Mei 2017 - 3 MAC 2020

PERKHIDMATAN DI UKM

- Perpustakaan Cabang Perubatan: 1 Februari
- Perpustakaan HUKM - PPUKM: 1 Julai 1997
- Ketua Perpustakaan PPUKM: 17 Disember 2013
- Ketua Perpustakaan Hospital Canselor Tuanku Muhriz dan Ketua Perpustakaan Praktikal: 1 April 2016
- Ketua Pustakawan 4 Mei 2017 - 3 Mei 2020

PENGLIBATAN / PENGIKTIRAFAN

Peringkat UKM

- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2003, 2009, 2011
- Anugerah KMK 2004
- Anugerah Perkhidmatan 20 Tahun

Peringkat Perpustakaan

- Anugerah Inovasi Perpustakaan 2003
- Anugerah Kualiti Perpustakaan 2004
- Anugerah Ketua Pustakawan 2007
- Anugerah Penjanaan Kewangan [QIT Latihan] 2009

PENGALAMAN BERTUGAS

- Pegawai Perpustakaan A-22 (UKM): Oktober 1985 - Disember 1985 di Dewan Bahasa dan Pustaka
- Pustakawan di Klang Valley College, Subang Jaya: November 1987 - Februari 1988
- Executive di Parkson Corp. KL: April 1988 - Mei 1989
- Penolong Pegawai Perpustakaan di Persatuan Perpustakaan KL: Jun 1989
- Pustakawan: 1 Februari 1991
- Pustakawan S44: 5 September 2005
- Pustakawan S48: 22 Februari 2007
- Pustakawan S52: 17 Disember 2013
- Pustakawan S54: 14 April 2017

GERBANG VARSITI KITA

Korpus Sejarah UKM

KETUA PUSTAKAWAN KE-7

SUMBANGAN KECEMERLANGAN PERPUSTAKAAN



Antara lain beliau bertanggungjawab dalam merancang dan membina Perpustakaan Hospital Pakar Kanak-Kanak yang beroperasi pada 1 Ogos 2022. Perpustakaan ini memberi perkhidmatan maklumat dalam bidang pediatrik.

Perkhidmatan perpustakaan dalam norma baharu turut diperkenalkan semasa kepimpinannya seperti Kelas Kemahiran Maklumat Atas Talian, Persidangan Video, Pinjaman Secara Pos dan sebagainya.

Selain itu, di antara sumbangan beliau yang penting adalah merealisasikan pewujudan Anjung Pro Canselor Tun Ahmad Sarji yang telah dirasmikan oleh DYMM Tuanku Canselor pada tahun 2018.

Antara lain Kempen Mesra Pelanggan Perpustakaan UKM turut dilancarkan pada 13 April 2018 sebagai usaha untuk mendidik warga perpustakaan dalam menyediakan layanan yang mesra dan profesional kepada pelanggan.

Beliau turut mencadangkan mengabdikan nama mantan Ketua Pustakawan Pertama dan Kedua di ruang perpustakaan sebagai tanda menghargai jasa dan sumbangan tokoh tersebut.

- Ruang 24 Jam Abdul Aziz Shaik Mydin (Ketua Pustakawan Ke-1)
- Bilik Latihan Zainal Azman Rajuddin (Ketua Pustakawan Ke-2)

